

Submission date: 31.07.2026 Accepted date: 14/08/2026 Published date: 01/09/2026

**Metafizik Ṣadr al-Dīn al-Shīrāzī sebagai Kerangka
Analitik Ontologi dalam Falsafah Sains
(*Ṣadr al-Dīn al-Shīrāzī's Metaphysics as an Analytical
Framework for Ontology in the Philosophy of Science*)**

Nur Syahadah Md Amin & Mohd Syahmir Alias*
Universiti Sains Malaysia

***Corresponding author: syahmir@usm.my**

Abstrak

Walaupun sains empirikal berfokus pada pemerhatian dan penjelasan fenomena, setiap teori saintifik tetap beroperasi berdasarkan andaian tertentu tentang perkara yang wujud, cara entiti berkait antara satu sama lain, mekanisme perubahan berlaku dan perkara yang dianggap sebagai dasar realiti. Tradisi falsafah Islam sememangnya mempunyai sumber metafizik yang kaya untuk menangani persoalan tersebut. Namun, konsep-konsepnya lazimnya dikaji sebagai doktrin dalam satu sistem metafizik dan belum banyak direkonstruksi sebagai alat analitik yang dapat digunakan dalam perbincangan falsafah sains kontemporari. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, makalah ini berhasrat membangunkan suatu kerangka analitik ontologi yang berasaskan sistem *al-ḥikmah al-muta'āliyah* oleh Ṣadr al-Dīn al-Shīrāzī atau lebih dikenali sebagai Mullā Ṣadrā (1571-1640). Makalah ini mengabstrakkan fungsi konseptual doktrin dalam sistem Ṣadrā dalam pembinaan kerangka analitik. Dengan menggunakan kaedah analisis konseptual, kerangka analitik ini merangkumkan lima teras ontologi iaitu Kesatuan Asali, Pemartabatan, Penzahiran, Kebergantungan dan Pemeliharaan Dasar Hakikat. Kelima-lima teras tersebut disusun dalam suatu binaan hierarki tiga serangkai yang terdiri daripada Dasar, Pembezaan dan Pemeliharaan. Dengan menjadikan teras-teras tersebut sebagai alat analitik yang boleh diterapkan merentas bidang sains, makalah ini

menunjukkan bahawa tradisi falsafah Islam menyediakan sumber konseptual bukan-jauhar yang berpotensi untuk menangani persoalan struktur yang berterusan dalam falsafah sains.

Kata kunci: Mullā Ṣadrā, metafizik Islam, kerangka analitik ontologi, falsafah sains, *al-ḥikmah al-muta‘āliyah*

Abstract

Although empirical science focuses on the observation and explanation of phenomena, every scientific theory operates on certain assumptions about what exists, how entities relate to one another, the mechanisms through which change occurs, and what is regarded as the ground of reality. The Islamic philosophical tradition possesses rich metaphysical resources for addressing these questions. However, its concepts have predominantly been studied as doctrines within particular metaphysical systems and have rarely been reconstructed as analytical tools applicable to contemporary discussions in the philosophy of science. Against this background, this paper seeks to develop an analytical framework for ontology based on the *al-ḥikmah al-muta‘āliyah* system of Ṣadr al-Dīn al-Shīrāzī, better known as Mullā Ṣadrā (1571–1640). The paper abstracts the conceptual functions of doctrines within Ṣadrā’s system to construct an analytical framework. Employing conceptual analysis, the framework comprises five ontological cores: Primordial Unity, Gradation, Manifestation, Dependence, and Conservation of Ground. These five cores are organized within a hierarchical tripartite architecture consisting of Ground, Differentiation, and Sustenance. By establishing these cores as analytical tools applicable across scientific domains, this paper demonstrates that the Islamic philosophical tradition provides non-substantialist conceptual resources with the potential to address persistent structural questions in the philosophy of science.

Keywords: Mullā Ṣadrā, Islamic metaphysics, analytical framework for ontology, philosophy of science, *al-ḥikmah al-muta‘āliyah*

Pengenalan

Sains empirikal pada dasarnya sering dianggap sebagai suatu disiplin yang terasing daripada andaian metafizik, berikutan penekanannya yang ketat terhadap pemerhatian, kuantifikasi dan penghuraian fenomena fizikal. Namun, setiap teori saintifik secara implisit beroperasi berdasarkan andaian ontologi tertentu iaitu andaian asas berkenaan realiti kewujudan, bentuk hubungan antara entiti, mekanisme yang mengatur perubahan serta dasar utama realiti itu sendiri (Burt, 1924). Dalam perkembangan metafizik Barat, andaian-andaian asas ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh ontologi jauh (*substance*) yang mengkonseptualisasikan realiti sebagai suatu himpunan entiti yang terpisah dan statik (al-Attas, 1995). Walaupun kerangka konseptual ini membentuk landasan sains moden, ia memperlihatkan keterbatasan teoretikal yang signifikan akibat kecenderungan mekanistik sains yang cenderung untuk gagal menangani realiti struktur yang lebih mendasar berkaitan kepelbagaian yang rencam dan tidak teratur yang dapat beroperasi tanpa perlu ditundukkan kepada suatu kesatuan sistem fizikal yang homogen (Dupré, 1993). Oleh itu, sains masih berhadapan dengan keterbatasan dari segi alat analitik yang memadai apabila menangani persoalan struktur ini.

Dalam tradisi intelektual Islam, tokoh berpengaruh Mullā Ṣadrā (Ṣadr al-Dīn al-Shīrāzī, sekitar 1571-1640) membangunkan suatu sistem ontologi yang komprehensif bagi menangani persoalan tersebut menerusi aliran falsafahnya, *al-hikmah al-muta'āliyah* (falsafah transenden). Dalam *al-Asfār al-Arba'ah*, beliau mengintegrasikan falsafah Peripatetik (*al-falsafah al-mashshā'iyyah*), falsafah Iluminasi (*al-hikmah al-ishrāqiyyah*) dan tasawuf ke dalam kesatuan sistem yang berasaskan keutamaan wujud. Seperti yang diperhatikan oleh al-Attas (1995), keasalan wujud merupakan salah satu prinsip asas pandangan alam Islam yang menjadi dasar kepada kerangka metafizik dan kosmologi Islam. Berasaskan landasan tradisi tersebut, Kalin (2010) menunjukkan penyusunan semula Ṣadrā terhadap hubungan antara kewujudan, akal dan intuisi ke dalam suatu struktur falsafah yang koheren. Meskipun memiliki kedalaman falsafah yang tinggi, metafizik Ṣadrā sebahagian besarnya kekal dalam lingkungan tafsiran tekstual, analisis sejarah, dan falsafah perbandingan, dengan pengembangan yang masih terbatas sebagai sumber alat konseptual formal untuk penelitian kontemporari.

Kedudukan Mullā Ṣadrā dalam perkembangan falsafah Islam moden awal turut memperlihatkan kepelbagaian cara pemikirannya ditafsirkan dalam kajian kontemporari. Sebahagian sarjana menekankan dimensi batiniah dan mistik dalam falsafahnya, manakala sebahagian yang lain memberikan perhatian kepada struktur rasional dan hujah falsafah yang membentuk sistem pemikirannya (Ernst, 2005). Perbezaan tafsiran ini menunjukkan bahawa pemikiran Ṣadrā tidak mudah ditempatkan dalam satu kategori falsafah yang sempit. Sebaliknya, sistemnya menunjukkan usaha untuk menyatukan sumber-sumber pengetahuan yang berbeza dalam suatu struktur falsafah yang menyeluruh. Moris (2003), misalnya, menegaskan bahawa *al-ḥikmah al-muta‘āliyah* menggabungkan wahyu, intuisi intelektual dan penaakulan dalam pencarian pengetahuan yang benar dan pasti.

Keistimewaan tersebut berkait rapat dengan usaha Ṣadrā menyusun semula persoalan kewujudan sebagai asas kepada sistem metafiziknya. Dalam kerangka pemikirannya, kewujudan bukan sekadar salah satu sifat yang boleh dipredikasikan kepada sesuatu entiti, tetapi merupakan asas realiti yang memungkinkan kesatuan dan kepelbagaian difahami dalam satu struktur ontologi yang dinamik. Sistem ini mencapai bentuk yang menyeluruh dalam *al-Asfār al-Arba‘ah*, yang menghimpunkan dan mengolah secara kritis unsur-unsur falsafah Peripatetik dan falsafah Iluminasi, tasawuf dan kalam ke dalam suatu sintesis metafizik yang dikenali sebagai *al-ḥikmah al-muta‘āliyah* (Cooper, 1998).

Pendekatan sintesis ini turut mempunyai implikasi terhadap epistemologi Ṣadrā. Beliau mengolah unsur teori Ibn Sīnā mengenai peranan Akal Aktif dalam aktualisasi intelek manusia bersama dengan gagasan Suhrawardī tentang *‘ilm ḥuḍūrī* (ilmu hadir hati), lalu menempatkan pengetahuan dalam hubungan yang rapat dengan struktur kewujudan itu sendiri (Cooper, 1998). Dengan demikian, metafizik Ṣadrā bukan sekadar suatu sistem yang menghuraikan perkara yang wujud, tetapi turut menyediakan struktur konseptual untuk menjelaskan hubungan antara kewujudan, perubahan, pengetahuan dan kesempurnaan. Ciri bersifat sistem inilah yang menjadikan pemikiran Ṣadrā relevan sebagai sumber untuk mengabstrakkan fungsi konseptual doktrin kepada bentuk alat analitik, tanpa menganggap bahawa doktrin tersebut pada asalnya telah dirumuskan sebagai suatu kerangka analitik untuk sains moden.

Walau bagaimanapun, terdapat jurang metodologi dalam penggunaan sumber falsafah Islam bagi perbincangan falsafah sains kontemporari. Bagi menangani jurang tersebut, makalah ini membangunkan suatu kerangka analitik ontologi yang direkonstruksi daripada struktur fungsional metafizik Ṣadrā. Berbeza daripada mengulangi doktrin Ṣadrā atau mengemukakan tafsiran terhadap pemikirannya, kerangka ini mengabstrakkan fungsi ontologi yang dimainkan oleh doktrin-doktrin tersebut dan merumuskannya semula sebagai “teras” yang tidak terikat kepada domain tertentu. Penggunaan istilah “teras” dalam makalah ini merujuk kepada fungsi ontologi yang menjelaskan bagaimana realiti distrukturkan, dibezakan dan dikekalkan melalui hubungan ontologi, dan bukannya semata-mata berdasarkan esensinya. Dengan demikian, kerangka ini dapat beroperasi melampaui konteks sejarah asalnya serta tidak terikat kepada andaian berasaskan ontologi jauh.

Perbezaan metodologi antara doktrin dengan fungsi konseptual merupakan inovasi utama kerangka analitik ontologi ini. Sementara kajian sedia ada lazimnya membandingkan falsafah Islam dengan disiplin kontemporari melalui analogi konseptual atau kesepadanan tematik, pendekatan ini merekonstruksi struktur fungsional yang mendasari metafizik Ṣadrā dan merumuskannya semula sebagai suatu sistem analitik yang boleh diterapkan merentas bidang. Pendekatan ini terangkum dalam gagasan Islamisasi konstruktif yang diketengahkan oleh makalah ini, iaitu proses apabila struktur metafizik yang bersumberkan tradisi intelektual Islam diformalkan dan dikembangkan ke dalam konteks teori kontemporari tanpa mereduksikannya kepada ulasan sejarah. Makalah ini tidak mendakwa mengemukakan tafsiran muktamad terhadap falsafah Mullā Ṣadrā. Sebaliknya, makalah ini mengemukakan suatu kerangka konseptual yang dibina melalui pengintegrasian metafisik Ṣadrā secara sistematis. Oleh itu, sumbangannya dinilai berdasarkan koherensi dalaman, daya penjelasan dan pengistikmalan analitiknya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan falsafah untuk merekonstruksi dan menganalisis struktur ontologi dalam metafizik Ṣadrā. Berbeza dengan kaedah tafsiran sejarah yang berusaha menentukan hujah yang dikemukakan oleh Ṣadrā atau kaedah falsafah bandingan yang meneliti persamaan antara tradisi falsafah, rekonstruksi metafizik meneliti fungsi ontologi yang dimainkan oleh

doktrin metafizik dan merekonstruksi fungsi tersebut sebagai alat konseptual yang tidak terikat kepada domain tertentu. Oleh itu, tujuan kajian bukanlah untuk mentafsir semula metafizik Ṣadrā, tetapi untuk mengabstrakkan fungsi konseptualnya bagi membangunkan suatu kerangka analitik ontologi berdasarkan struktur dalaman sistem tersebut agar boleh diterapkan merentas bidang.

Kajian ini menggunakan penyelidikan kepustakaan kualitatif yang berasaskan sumber falsafah primer dan sekunder. Data primer terdiri terutamanya daripada karya Ṣadrā, *al-Asfār al-Arba'ah*. Sumber sekunder pula merangkumi karya ilmiah berkaitan falsafah Ṣadrā, metafizik Islam, falsafah sains dan metafizik analitik. Sumber-sumber tersebut menyediakan konteks falsafah yang diperlukan bagi proses rekonstruksi serta latar belakang perbandingan untuk menilai kerangka yang dihasilkan. Data dianalisis melalui proses rekonstruksi metafisik tiga tahap. Tahap pertama ialah mengenal pasti doktrin asal dalam metafizik Ṣadrā melalui analisis sejarah dan falsafah. Tahap kedua menganalisis fungsi ontologi yang dimainkan oleh setiap doktrin. Tahap ketiga merekonstruksi setiap fungsi tersebut sebagai satu teras yang tidak terikat kepada domain tertentu.

Peralihan metodologi daripada tahap kedua kepada tahap ketiga merupakan inovasi utama kajian ini. Peralihan tersebut memperkenalkan pembezaan antara doktrin dan fungsi konseptual. Doktrin ialah suatu tuntutan falsafah yang dikemukakan dalam tradisi intelektual tertentu dengan menggunakan perbendaharaan konseptualnya sendiri. Sebaliknya, fungsi merujuk kepada peranan ontologi yang dimainkan oleh doktrin tersebut dalam struktur keseluruhan sesuatu sistem. Oleh itu, proses rekonstruksi dilakukan dengan mengabstrakkan fungsi, bukannya doktrin, sehingga fungsi tersebut boleh dirumuskan semula sebagai alat analitik yang boleh diterapkan merentas bidang tanpa perlu mengulangi peristilahan asalnya.

Bagi memastikan bahawa sesuatu hasil rekonstruksi benar-benar tidak terikat kepada domain tertentu dan bukan sekadar pernyataan semula doktrin asal dalam bentuk yang dipermudah, dua kriteria analitik digunakan. Pertama, fungsi tersebut mestilah dapat dinyatakan menggunakan konsep hubungan yang bebas daripada peristilahan Ṣadrā atau tradisi Islam. Kedua, struktur hubungan yang sama mestilah dapat dikenal pasti secara tersendiri dalam perbincangan falsafah kontemporari, termasuk perbincangan tentang *grounding* (Fine, 1994, 1995; Lowe, 2006), kebergantungan ontologi (Humphreys, 1997) serta kemunculan dan realisasi (Gillett, 2003).

Dapatan

Bahagian ini membentangkan dapatan rekonstruksi metafizik dengan menjadikan metafizik Šadrā sebagai sumber terbitan bagi pembinaan kerangka analitik ontologi. Berbanding menjadikan falsafah Šadrā sebagai objek analisis terakhir, kajian ini mengabstrakkan fungsi ontologi yang mendasarinya ke dalam suatu kerangka konseptual formal. Jadual 1 menunjukkan rantaian terbitan daripada doktrin Šadrā kepada fungsi ontologi dan seterusnya kepada teras ontologi yang dihasilkan. Empat doktrin utama dalam metafizik Šadrā menghasilkan lima teras ontologi yang neutral kepada domain tertentu, dengan setiap teras memformalkan fungsi ontologi yang tersendiri.

Jadual 1: Rantaian Terbitan Teras Ontologi

Doktrin Šadrā	Teras	Fungsi Ontologi
<i>Aṣālat al-wujūd</i>	T1	Mendasarkan seluruh kepelbagaian pada suatu dasar ontologi yang tunggal.
<i>Tashkīk al-wujūd</i>	T2	Menghuraikan pembezaan sebagai darjah keamatan, bukannya pembahagian berdasarkan kategori.
<i>Al-ḥarakah al-jawhariyyah</i>	T3	Menjelaskan proses menjadi secara ontologi iaitu cara kewujudan menzahirkan dirinya sebagai sesuatu tertentu.
<i>Waḥdat al-wujūd</i>	T4	Menentukan bahawa realiti terbitan hanya wujud melalui kebergantungan pada dasar.
	T5	Memastikan dasar ontologi kekal terpelihara sepanjang segala perubahan.

(a) *Aṣālat al-Wujūd* dan T1 (Kesatuan Asali)

Berbeza daripada pendekatan Ibn Sīnā yang lazimnya membuktikan kewujudan Tuhan secara tidak langsung melalui makhluk, iaitu dengan meneliti sifat kemungkinan wujud dan kebaharuan alam sebelum membuat kesimpulan tentang kewujudan Pencipta secara wajib (Ibn Sina, 2014, pp. 130-131), al-Shīrāzī (1990, jld. 6, pp. 13-16) mengemukakan doktrin *aṣālat al-wujūd* (keasalan wujud). Menurut doktrin ini, wujud merupakan satu-satunya realiti, manakala esensi atau *māhiyah* (keapadiaan) hanyalah abstraksi konseptual yang diperoleh daripada sesuatu yang wujud. Doktrin tersebut menjadi dasar ontologi bagi keseluruhan sistem metafiziknya.

Ṣadrā seterusnya mengasaskan pendirian tersebut melalui hujah berteraskan wahyu dalam *burhān al-ṣiddīqīn* (Hujah Golongan yang Benar), dengan merujuk secara langsung kepada ayat yang sering dikenali sebagai ayat kesaksian Ilahi: “Tidakkah cukup bahawa Tuhanmu menyaksikan segala sesuatu?” (al-Quran, 41:53). Berbeza daripada tradisi Ibn Sīnā terdahulu yang membuktikan kewujudan Tuhan melalui kewujudan makhluk yang mungkin, Ṣadrā berhujah bahawa Tuhan dikenali melalui Kewujudan Mutlak itu sendiri dan bukannya melalui makhluk. Oleh itu, ayat tersebut bukan sekadar berfungsi sebagai sokongan tekstual, tetapi turut menjadi pengesahan teologi bahawa Tuhan merupakan dasar kewujudan, saksi terhadap segala sesuatu dan bukti tertinggi bagi realiti-Nya sendiri.

Dalam sintesis Ṣadrā, demonstrasi rasional (*burhān*), intuisi mistik (*kashf*) dan wahyu al-Quran bertemu dalam menegaskan keutamaan kewujudan (Moris, 2003). Fungsi ontologi yang dikenal pasti daripada doktrin ini ialah menetapkan suatu dasar kesatuan yang menjadi sumber kepada seluruh realiti yang berbeza dan pelbagai. Fungsi tersebut direkonstruksi sebagai T1 (Kesatuan Asali). Persoalan mengenai hubungan antara Dasar yang transenden dengan realiti yang pelbagai ini turut berkaitan dengan ketegangan antara *tanzīh* (ketersucian Tuhan) dengan *tashbīh* (keterserupaan) yang dikenal pasti dalam sejarah metafizik Islam (Netton, 1989).

(b) *Tashkīk al-Wujūd* dan T2 (Pemartabatan)

Ṣadrā menangani persoalan hubungan antara kesatuan dan kepelbagaian melalui doktrin *tashkīk al-wujūd* (pemartabatan kewujudan). Menurut doktrin ini, kewujudan tidak dipredikasikan kepada sesuatu yang wujud secara univokal mahupun ekuivokal. Sebaliknya, kewujudan dipredikasikan secara berperingkat sehingga sesuatu yang wujud berbeza bukan dari segi jenis ontologi, tetapi dari segi darjah keamatan kewujudannya. Sebagaimana dinyatakan dalam *al-Asfār*, kewujudan “merupakan sesuatu yang umum yang dipredikasikan kepada yang wujud secara perbezaan darjat (*tafāwut*), dan sama sekali bukan secara univokal” (al-Shīrāzī, 1990, jld. 1, p. 37).

Gambaran ontologi ini turut dapat dikaitkan dengan gambaran kewujudan yang berperingkat dalam al-Quran, seperti firman Allah SWT yang bermaksud: “Kami meninggikan darjat sesiapa yang Kami kehendaki: dan Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui” (al-Quran, 6:83), serta “Mereka mempunyai beberapa darjat di sisi Allah” (al-Quran, 3:163). Fungsi ontologi doktrin ini adalah untuk menjelaskan mekanisme pembezaan yang muncul dalam suatu realiti yang bersatu melalui variasi keamatan kewujudan dan bukannya melalui pembahagian kepada kategori ontologi yang berasingan. Fungsi tersebut direkonstruksi sebagai T2 (Pemartabatan).

(c) *Al-Ḥarakah al-Jawhariyyah* dan T3 (Penzahiran)

Salah satu sumbangan metafizik Ṣadrā yang paling tersendiri ialah doktrin *al-ḥarakah al-jawhariyyah* (gerakan jauhar) yang menyatakan bahawa perubahan berlaku bukan sahaja pada ‘*arad*’ yakni aral atau sifat sesuatu, tetapi juga pada jauhar itu sendiri. Dengan demikian, realiti bersifat dinamik pada peringkat ontologi asas dan bukannya hanya pada peringkat sifat yang dapat diperhatikan (Rizvi, 2005). Apabila digabungkan dengan doktrin *tajallī* (penzahiran Ilahi) yang terdapat dalam sistem tasawuf falsafah, gerakan jauhar menjelaskan cara kebaharuan, ketentuan dan pembezaan muncul secara berterusan daripada kewujudan itu sendiri dan bukannya melalui penambahan luaran.

Asas al-Quran bagi pemahaman dinamik terhadap realiti ini dapat dilihat dalam ayat yang sering dikaitkan dengan penzahiran tanda-tanda Ilahi: “Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri sehingga jelas kepada mereka bahawa al-Quran itu adalah benar”

(al-Quran, 41:53). Ayat tersebut menggambarkan penzahiran tanda-tanda Ilahi secara beransur-ansur, suatu tema yang diintegrasikan oleh Ṣadrā ke dalam metafizik gerakan jauh dan penzahiran Ilahi. Fungsi ontologi kedua-dua doktrin tersebut adalah untuk menjelaskan bagaimana kebaharuan dan penzahiran muncul daripada kewujudan itu sendiri. Fungsi ini direkonstruksi sebagai T3 (Penzahiran).

(d) *Waḥdat al-Wujūd* dan T4 (Kebergantungan) serta T5 (Pemeliharaan Dasar Hakikat)

Doktrin keempat, *waḥdat al-wujūd* (kesatuan kewujudan), menyatakan bahawa seluruh kewujudan, walaupun memperlihatkan kepelbagaian yang tidak terbatas, merupakan penzahiran daripada suatu realiti kewujudan yang tunggal dan tidak terbahagi. Dengan demikian, semua yang wujud secara berbeza merupakan bentuk-bentuk terbitan yang bergantung pada Wujud yang satu. Sebagaimana diuraikan oleh Yazdī (2017), kesatuan bukanlah bertentangan dengan kepelbagaian, sebaliknya merupakan syarat yang memungkinkan kepelbagaian difahami.

Dalam kerangka analitik ontologi, doktrin tunggal ini menjalankan dua fungsi ontologi yang berbeza. Fungsi pertama menjelaskan bagaimana realiti terbitan bergantung pada dasar muktamadnya pada sesuatu ketika tertentu, iaitu dimensi sinkronik. Fungsi ini direkonstruksi sebagai T4 (Kebergantungan). Fungsi kedua menjelaskan bagaimana dasar tersebut kekal secara ontologi tidak berubah sepanjang segala perubahan, sekali gus mengekalkan kebolehfahaman realiti merentas masa, iaitu dimensi diakronik. Fungsi ini direkonstruksi sebagai T5 (Pemeliharaan Dasar Hakikat).

Dimensi tersebut dapat diperjelas melalui konsepsi Ṣadrā tentang hikmah yang menghubungkan pengetahuan tentang Zat Kebenaran Pertama dengan hubungan antara Zat tersebut dan segala maujud. Dalam satu huraian tentang hakikat hikmah, al-Shīrāzī, 2008 (p. 57) menjelaskan:

“Hikmah ialah mengenal Zat Kebenaran Pertama dan martabat wujud-Nya, dan mengenal sifat-sifat-Nya dan perbuatan-Nya, dan bagaimana maujud-maujud terbit daripada-Nya sejak awal

dan kebangkitan, dan juga mengenal jiwa dan daya-dayanya serta martabatnya, dan mengenal akal material, yang merupakan titik berkumpul dua samudera dan pertemuan dua iklim, dan jalan berkeadaan bahagia dan sengsara, dan mengenal jiwa yang mengarah dari dasar yang terendah ke puncak yang tertinggi di mana keindahan yang Satu dapat dilihat dan penyaksian abadi tercapai...”

Dengan demikian, *waḥdat al-wujūd* bukan sahaja memberikan dasar bagi memahami kebergantungan maujud terhadap sumber kewujudannya, tetapi turut mengekalkan hubungan tersebut sepanjang proses penzahiran, perubahan dan perjalanan kembali. Aspek inilah yang diabstrakkan dan diformalkan sebagai T5 (Pemeliharaan Dasar Hakikat).

Asas al-Quran bagi kedua-dua teras ini dapat ditemukan dalam ayat berkaitan kekekalan Zat Allah SWT: “Segala yang ada di bumi akan binasa; dan kekallah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan” (al-Quran, 55:26-27). Ṣadrā mentafsirkan ayat tersebut sebagai menunjukkan pemeliharaan Dasar yang Wajib dalam keadaan kewujudan yang mungkin berubah-ubah dan terus-menerus. Hakikat bahawa satu doktrin menghasilkan dua teras ontologi mencerminkan ketepatan analitik yang dicapai melalui rekonstruksi metafizik, apabila fungsi ontologi yang berbeza diformalkan secara berasingan meskipun kedua-duanya kekal bersatu dalam sistem metafizik asal oleh Ṣadrā.

Perbincangan

Setelah merekonstruksi lima teras ontologi daripada metafizik Ṣadrā, bahagian ini membincangkan kepentingan falsafahnya sebagai suatu kerangka yang bersepadu. Dapatan yang dijelaskan terdahulu dapat membangunkan binaan hierarki tiga serangkai (*triadic*) bagi kerangka analitik ontologi. Lima teras ontologi tersebut bukanlah suatu himpunan yang disusun secara sewenangnyanya. Sebaliknya, proses rekonstruksi metafizik menunjukkan bahawa kesemuanya tersusun dalam suatu binaan hierarki tiga serangkai yang mencerminkan logik dalaman metafizik Ṣadrā. Binaan ini bukan sahaja menyediakan tafsiran sistematik terhadap doktrin Ṣadrā, malah membentuk suatu struktur konseptual minimum untuk menjelaskan sesuatu realiti yang mempunyai dasar kesatuan yang melahirkan kepelbagaian yang berbeza, yang pada masa yang sama kekal bergantung pada dasar tersebut, serta yang memungkinkan kebaharuan muncul

tanpa menjejaskan pemeliharaan dasar itu sendiri. Jadual 2 merumuskan tiga tingkat ontologi, teras ontologi yang berkaitan, persoalan yang ditangani dan asas doktrin Ṣadrā.

Jadual 2: Binaan Hierarki Tiga Serangkai Kerangka Analitik Ontologi

Tingkat	Teras Ontologi	Persoalan Ontologi	Doktrin Ṣadrā
I: Dasar	T1: Kesatuan Asali	Apakah yang menjadikan realiti suatu sumber yang bersatu?	<i>Aṣālat al-wujūd</i>
II: Pembezaan	T2: Pemartabatan	Bagaimanakah dasar menghasilkan kepelbagaian yang tertentu?	<i>Tashkīk al-wujūd;</i>
	T3: Penzahiran		<i>Al-ḥarakah al-jawhariyyah</i>
III: Pemeliharaan	T4: Kebergantungan	Bagaimanakah realiti terbitan dikekalkan oleh dasar?	<i>Waḥdat al-wujūd</i>
	T5: Pemeliharaan Dasar Hakikat		

Ketiga-tiga tingkat tersebut sepadan dengan tiga persoalan ontologi yang tidak dapat direduksikan satu sama lain. Pertama, “Dasar” berkaitan dengan sumber muktamad yang menjadikan realiti dapat difahami sebagai suatu kesatuan dan diwakili secara tunggal oleh T1. Kedua, “Pembezaan” menjelaskan mekanisme kepelbagaian muncul daripada dasar yang bersatu melalui dua dimensi yang saling melengkapi: (1) T2 menjelaskan susunan struktur realiti yang telah dibezakan, manakala (2) T3 menjelaskan kemunculan kebaharuan secara dinamik melalui proses menjadi dan penzahiran. Ketiga, “Pemeliharaan” pula menjelaskan cara realiti yang telah dibezakan terus berkaitan dengan dasarnya

meskipun mengalami perubahan yang berterusan. Oleh itu, tahap ini merangkumi T4 yang menjelaskan kebergantungan ontologi dan T5 yang menjelaskan pemeliharaan dasar sepanjang perubahan.

Binaan ini turut menjelaskan sebab kerangka tersebut terdiri daripada lima teras ontologi, bukannya empat atau enam. “Pembezaan” dan “Pemeliharaan” masing-masing mempunyai dua dimensi yang dapat dibezakan secara analitik: pertama, dimensi sinkronik yang berkaitan dengan struktur realiti pada sesuatu ketika tertentu; dan kedua, dimensi diakronik yang berkaitan dengan perkembangannya sepanjang masa. Oleh itu, setiap tingkat menghasilkan dua teras ontologi. Sebaliknya, “Dasar” tidak mempunyai pembezaan sedemikian. Berdasarkan doktrin *aṣālat al-wujūd*, “Dasar” merupakan kewujudan yang murni dan tidak berbeza sebelum wujudnya sebarang pembezaan yang diperkenalkan oleh kepelbagaian, termasuk pembezaan antara hubungan sinkronik dengan hubungan diakronik. Oleh sebab itu, Dasar menghasilkan satu teras ontologi, manakala “Pembezaan” dan “Pemeliharaan” masing-masing menghasilkan dua teras, lalu membentuk seni bina lima teras ontologi tersebut.

Walaupun dibangunkan daripada metafizik Ṣadrā, penyusunan binaan tiga serangkai ini mempunyai kesejajaran dengan sekurang-kurangnya tiga perbincangan dalam metafizik analitik kontemporari. Pertama, tingkat “Dasar” secara umum berkaitan dengan teori *grounding* dan kebergantungan ontologi (Fine, 1994, 1995; Lowe, 2006). Kedua, tingkat “Pembezaan” berkaitan dengan perbincangan tentang kemunculan dan realisasi (Gillett, 2003). Ketiga, tingkat “Pemeliharaan” berkaitan dengan kelangsungan kebergantungan ontologi sepanjang perubahan (Humphreys, 1997). Kesejajaran ini berfungsi untuk mengesahkan kebolehfahaman falsafah kerangka secara lebih luas dan bukannya menjadi asas teorinya.

Setiap teras menangani persoalan ontologi yang berbeza dan, dengan demikian, menjalankan fungsi penjelasan tersendiri dalam kerangka tersebut. T1 mempersoalkan sama ada realiti mempunyai dasar muktamad. T2 menjelaskan bagaimana pembezaan disusun secara struktural dalam suatu medan yang bersatu, manakala T3 menjelaskan bagaimana pembezaan berkembang melalui penzahiran dan kemunculan. T4 berkaitan dengan hubungan antara realiti terbitan dengan dasarnya, manakala T5 berkaitan dengan perkara yang kekal dan tidak berubah secara ontologi sepanjang perubahan yang berterusan. Persoalan-

persoalan ini saling melengkapi tetapi tidak boleh saling menggantikan dan setiap satunya memerlukan teras ontologi yang berbeza.

Perbezaan antara T4 dan T5 amat signifikan kerana kedua-duanya direkonstruksi daripada satu doktrin yang sama, iaitu *wahdat al-wujūd*. Pemisahan kedua-duanya menjadi jelas apabila dilihat secara berbanding. Dalam emanasionisme klasik, seperti doktrin *procession* Plotinus daripada Yang Satu, realiti terbitan bergantung sepenuhnya pada sumbernya (Gerson, 2024), sekaligus menegaskan kebergantungan ontologi (T4). Namun demikian, sumber tersebut sering difahami sebagai mengalami penzahiran atau pengurangan secara berperingkat melalui proses emanasi, sekaligus melemahkan gagasan tentang Dasar yang kekal dan tidak berubah (T5). Sebaliknya, sesetengah pandangan panteistik sangat menegaskan pemeliharaan dasar (T5), tetapi menghapuskan perbezaan antara dasar dengan realiti terbitan sehingga mereduksi partisipasi kepada identiti dan mengaburkan kebergantungan ontologi (T4).

Wahdat al-wujūd dalam kerangka Šadrā menegaskan kedua-dua dimensi tersebut secara serentak: dasar kekal sepenuhnya tanpa pengurangan, meskipun terdapat realiti mungkin, manakala realiti tersebut mempunyai perbezaan ontologi yang sebenar melalui partisipasi, dan bukannya identiti. Oleh itu, pembezaan analitik antara T4 dan T5 menjadikan eksplisit dua fungsi struktur yang tersirat dalam doktrin asal. Pembezaan ini turut mencerminkan ketegangan falsafah antara *tanzīh* dengan *tashbīh* Tuhan yang dikenal pasti oleh Netton (1989), iaitu Dasar muktamad perlu kekal sepenuhnya bersifat *tanzīh* dan pada masa yang sama menjadi Dasar ontologi bagi realiti yang benar-benar berbeza daripadanya. Skop analitik kerangka ini turut membezakannya daripada teori kebergantungan ontologi kontemporari. Teori *grounding* (Fine, 1994, 1995; Lowe, 2006) terutamanya meneliti hubungan bukan kebersebaban yang bersifat kebergantungan ontologi dan oleh itu mempunyai kesepadanan paling rapat dengan T1 dan T4.

Walau bagaimanapun, kerangka analitik ontologi ini bukanlah suatu teori *grounding* yang dinyatakan semula menggunakan istilah Islam. Sebaliknya, ia merupakan binaan ontologi yang lebih luas yang mengintegrasikan Dasar dengan Pembezaan dan Pemeliharaan. Selain menjelaskan kebergantungan, kerangka ini memformalkan pemartabatan (T2), penzahiran (T3) dan pemeliharaan dasar (T5). Dengan demikian, kerangka tersebut bukan sahaja menjelaskan mengapa realiti terbitan bergantung pada suatu dasar muktamad, tetapi turut menjelaskan

bagaimana kepelbagaian muncul, bagaimana kebaruan dizahirkan dan perkara yang kekal sepanjang perubahan yang berterusan. Persoalan-persoalan tersebut melampaui skop penjelasan teori *grounding* dan membentuk sumbangan tersendiri terhadap kerangka analitik ontologi ini.

Kesimpulan

Makalah ini mengemukakan tiga perkara utama. Pertama, metafizik Ṣadrā mengandungi struktur ontologi yang dapat direkonstruksi. Empat doktrin dalam sistem tersebut dapat dianalisis kepada lima teras ontologi yang tidak terikat kepada domain tertentu, lalu membentuk binaan hierarki tiga serangkai yang terdiri daripada Dasar, Pembezaan dan Pemeliharaan bagi memahami struktur realiti. Kedua, kerangka analitik ontologi ini memformalkan struktur ontologi ketauhidan, yang memperlihatkan hubungan antara teras kesatuan, penzahiran yang berperingkat, pembaharuan yang berterusan, kebergantungan ontologi dan pemeliharaan dasar hakikat sebagaimana yang dapat diabstrakkan daripada metafizik Ṣadrā dan sumber al-Quran. Dalam pengertian ini, tauhid tidak hanya berfungsi sebagai doktrin teologi, tetapi juga sebagai kerangka ontologi yang berpotensi menangani persoalan metafizik yang kurang dikembangkan dalam pendekatan berasaskan ontologi jauh. Ketiga, kerangka ini menunjukkan kemungkinan Islamisasi konstruktif dengan memperlihatkan bagaimana kerangka metafizik formal dapat direkonstruksi daripada tradisi intelektual Islam yang berasaskan wahyu al-Quran dan seterusnya dikembangkan untuk penelitian kontemporari.

Makalah ini tidak mendakwa bahawa projek tersebut telah diselesaikan sepenuhnya. Sebaliknya, sumbangan kajian ini terletak pada pembentukan kerangka tersebut dan justifikasi proses penerbitannya. Kajian lanjutan boleh meneliti dengan lebih mendalam hubungan antara binaan hierarki tiga serangkai kerangka analitik ontologi ini dengan *Tawhidi String Relation* (TSR) oleh Choudhury (2020), khususnya bagi menentukan sama ada kedua-dua kerangka yang dibangunkan secara tersendiri tersebut memperlihatkan bentuk yang saling melengkapi atau menunjukkan kecenderungan kepada suatu wawasan ontologi yang sepunya. Dengan demikian, kerangka yang dicadangkan dalam makalah ini boleh menjadi titik permulaan bagi penelitian lanjut tentang kemungkinan membangunkan alat analitik berasaskan sumber falsafah Islam yang dapat digunakan secara lebih meluas dalam falsafah sains kontemporari.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. ISTAC.
- Al-Shīrāzī, Ṣ. (1990). *al-Ḥikmah al-muta‘āliyah fī al-asfār al-‘aqliyyah al-arba‘ah* (9 vols.). Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Shīrāzī, Ṣ. al-D. (2008). *Al-Maṣāhir al-ilāhiyyah fī asrār al-‘ulūm al-kamāliyya* (J. al-D. al-Āshtiyānī, Ed.). Mu’assasah Bustān Kitāb.
- Burt, E. A. (1924). *The metaphysical foundations of modern physical science*. Routledge & Kegan Paul.
- Choudhury, M. A. (2020). *Tawhid and Shari‘ah: A transdisciplinary methodological enquiry*. Palgrave Macmillan.
- Cooper, J. (1998). Mulla Sadra (Sadr al-Din Muhammad al-Shirazi) (1571/2–1640). *Routledge Encyclopedia of Philosophy*.
<https://doi.org/10.4324/9780415249126-H027-1>
- Dupré, J. (1993). *The disorder of things: Metaphysical foundations of the disunity of science*. Harvard University Press.
- Ernst, C. W. (2005). Sufism and philosophy in Mulla Ṣadrā. *Afkar: Journal of ‘Aqidah & Islamic Thought*, 6, 143–160.
- Fine, K. (1994). Essence and modality. *Philosophical Perspectives*, 8, 1–16.
<https://doi.org/10.2307/2214160>
- Fine, K. (1995). Ontological dependence. *Proceedings of the Aristotelian Society*, 95, 269–290. <https://doi.org/10.1093/aristotelian/95.1.269>
- Gerson, L. P. (2024). Plotinus. In E. N. Zalta & U. Nodelman (Eds.), *The Stanford encyclopedia of philosophy* (Fall 2024 ed.). Metaphysics Research Lab, Stanford University.
<https://plato.stanford.edu/archives/fall2024/entries/plotinus/>

- Gillett, C. (2003). The metaphysics of realization, multiple realizability, and the special sciences. *Journal of Philosophy*, 100(11), 591–603. <https://doi.org/10.5840/jphil2003100114>
- Humphreys, P. (1997). How properties emerge. *Philosophy of Science*, 64(1), 1–17. <https://doi.org/10.1086/392533>
- Ibn Sina. (2014). *Ibn Sina's remarks and admonitions: Physics and metaphysics: An analysis and annotated translation* (S. C. Inati, Trans.). Columbia University Press. (Original work published c. 1030)
- Kalın, I. (2010). *Knowledge in later Islamic philosophy: Mullā Ṣadrā on existence, intellect, and intuition*. Oxford University Press.
- Lowe, E. J. (2006). *The four-category ontology: A metaphysical foundation for natural science*. Oxford University Press.
- Moris, Z. (2003). *Revelation, intellectual intuition and reason in the philosophy of Mulla Sadra: An analysis of the al-hikmah al-'arshiyyah*. RoutledgeCurzon.
- Nasr, S. H. (1978). *Sadr al-Dīn Shīrāzī and his transcendent theosophy*. Imperial Iranian Academy of Philosophy.
- Netton, I. R. (1989). *Allah transcendent: Studies in the structure and semiotics of Islamic philosophy, theology and cosmology*. Routledge.
- Rizvi, S. H. (2005). Mullā Ṣadrā and the shift from substance to process metaphysics. In P. Adamson & R. C. Taylor (Eds.), *The Cambridge companion to Arabic philosophy* (pp. 224–246). Cambridge University Press.
- Yazdī, M. H. (2017). *Universal science: An introduction to Islamic metaphysics* (J. Cooper, Trans.). Brill.